

3 Februari 2018

**Pelajar kolej warga Pakistan dituduh edar kanabis terlepas tali gantung**

## Pelajar kolej warga Pakistan dituduh edar kanabis terlepas tali gantung

**SHAH ALAM** - Seorang pelajar kolej swasta warga Pakistan melemparkan senyuman apabila Mahkamah Tinggi di sini semalam melepas dan membebaskannya daripada tuduhan mengedar dadah jenis kanabis seberat 3,956 gram, dua tahun lalu.

Tertuduh, Mohammed Zohaib Khan, 27, yang memakai baju-T bercorak hitam dan putih menunjukkan reaksi sedemikian sebaik mendengar keputusan yang dibacakan Hakim S. M. Komathy Suppiah.

Komathy Suppiah memutuskan demikian setelah mendapati pihak pendakwaan gagal menimbulkan prima facie dalam kes tersebut.

Mengikut pertuduhan, Mohammed Zohaib didakwa mengedarkan dadah jenis Kanabis seberat 3,956 gram di Jalan SS14/8E, SS14, Subang Jaya, dekat Petaling Jaya, pada pukul 3 petang, 4 Ogos 2016.

Dia didakwa mengikut Seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 39B(2) akta sama yang

memperuntukkan hukuman mati mandatori jika sabit kesalahan.

Pendakwaan yang dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Aidatul Azura Zainal Abidin telah mengemukakan seramai empat orang saksi pendakwaan sepanjang perbicaraan bermula 22 Januari lalu manakala tertuduh diwakili peguam Datuk N. Sivananthan.

Difahamkan, tertuduh akan diusir pulang ke negara asalnya oleh pihak imigresen dalam masa terdekat.



**MOHAMMED ZOHAIB** menunjukkan tanda bagus selepas dibebaskan dari tuduhan mengedar dadah Mahkamah Tinggi Shah Alam semalam.